KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SABTU, 9 MAC 2024

## LAPORAN HARIAN

9/3/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **JURANG GAJI LELAKI, WANITA MELEBAR** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/jurang-gaji-lelaki-wanita-melebar/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/653363/berita/nasional/wanita-berhak-dapat-gaji-besar | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **EMPOWER YOURSELVES FOR MALAYSIA’S WELLBEING, NANCY TELLS WOMEN** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/08/empower-yourselves-for-malaysias-wellbeing-nancy-tells-women/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/08/wanita-perlu-perkasa-diri-tulang-belakang-masyarakat-moden-kata-nancy/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=sUiOZxExOTY | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **GROUP CALLS FOR WHITE PAPER ON ENHANCING WOMEN'S REPRESENTATION IN MALAYSIAN PARLIAMENT** | |
| | https://www.nst.com.my/news/government-public-policy/2024/03/1023031/group-calls-white-paper-enhancing-womens | NST.COM.MY |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/08/pressure-group-tells-womens-ministry-to-table-white-paper-for-gender-equality-among-lawmakers/122250 | MALAYMAIL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **TEMU BUAL NANCY SEMPENA HARI WANITA** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=1VRMvQZUkug | YOUTUBE |

9/3/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **EXPEDITE SOCIAL WORK PROFESSION BILL, SAYS ACTIVIST** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/08/expedite-social-work-profession-bill-says-activist/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.therakyatpost.com/news/2024/03/08/possible-tabling-of-social-work-profession-bill-this-year-welcomed-by-masw-unicef/ | THERAKYATPOST.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/08/cepatkan-ruu-profesion-kerja-sosial-kata-aktivis/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **PROGRAM WACANA SRIKANDI MERAIKAN KEHEBATAN WANITA MALAYSIA** | |
| | https://siakapkeli.my/2024/03/08/program-wacana-srikandi-meraikan-kehebatan-wanita-malaysia/ | SIAKAPKELI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **GRAB MALAYSIA EXPANDS #SISBOLEH PROGRAMME FOR WOMEN’S EMPOWERMENT** | |
| | https://www.thestar.com.my/starpicks/2024/03/08/grab-malaysia-expands-sisboleh-programme-for-womens-empowerment | SIAKAPKELI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **SELAMAT HARI WANITA ANTARABANGSA 2024** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=5OXFhf8_osg | YOUTUBE |

9/3/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **KABINET KERAJAAN UCAP SELAMAT HARI WANITA** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/kabinet-kerajaan-ucap-selamat-hari-wanita/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.wilayahku.com.my/wanita-antara-tonggak-utama-dalam-pembangunan-dan-kemajuan-negara-zaliha/ | WILAYAHKU.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **KERAJAAN KONSISTEN BELA HAK, KEBAJIKAN WANITA - ANWAR** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068109/kerajaan-konsisten-bela-hak-kebajikan-wanita-anwar | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/03/08/anwar-ucap-selamat-hari-wanita/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2277312 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **HARI WANITA: HARGAI, HORMATI, SANTUNI DENGAN PENUH KASIH SAYANG - RAJA PERMAISURI AGONG** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068005/hari-wanita-hargai-hormati-santuni-dengan-penuh-kasih-sayang-raja | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/raja-permaisuri-agong-zahirkan-ucapan-hari-wanita-x8u1w6u | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1220997/hari-wanita-hargai-hormati-santuni-penuh-kasih-sayang-raja | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/permaisuri-agong-zahirkan-ucapan-selamat-menyambut-hari-wanita/ | UTUSAN.COM.MY |

9/3/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA \| WHI (8 MAC 2024)** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=NMoPzvziN4Q | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **HARI WANITA: IKTIRAF PERANAN, SUARA WANITA TERLEBIH DAHULU** | |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/hari-wanita-iktiraf-peranan-suara-wanita-terlebih-dahulu-x8u1pio | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Y7lw7A7wFKA | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **ZAHID UCAP SELAMAT HARI WANITA** | |
| | https://malaysiagazette.com/2024/03/08/zahid-ucap-selamat-hari-wanita/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **KOMITED URUS KELUARGA BATASI WANITA AKTIF DALAM PASARAN KERJA** | |
| | https://www.bharian.com.my/kolumnis/2024/03/1220924/komited-urus-keluarga-batasi-wanita-aktif-dalam-pasaran-kerja | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **WANITA PERLU DIBERI PELUANG SAMA RATA KUASA EKONOMI** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2024/03/1220896/wanita-perlu-diberi-peluang-sama-rata-kuasa-ekonomi | BHARIAN.COM.MY |

9/3/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **PWP RAIKAN ADUN, KETUA-KETUA JABATAN WANITA PERLIS** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/pwp-raikan-adun-ketua-ketua-jabatan-wanita-perlis/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **IBU TUNGGAL TUJUH ANAK HIDUP BERGANTUNG PENCEN SUAMI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/03/08/ibu-tunggal-tujuh-anak-hidup-bergantung-pencen-suami/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **SUAMI PENGASUH LAKUKAN AMANG SEKSUAL KANAK-KANAK DITAHAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1221093/suami-pengasuh-lakukan-amang-seksual-kanak-kanak-ditahan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/03/08/anak-bagi-tahu-suami-pengasuh-cium-pipi/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068093/polis-tahan-suami-pengasuh-cabul-kanak-kanak | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2024/03/08/suami-pengasuh-disyaki-laku-amang-seksual-terhadap-kanak-kanak-ditahan-polis/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/suami-pengasuh-ditahan-amang-seksual-kanak-kanak-lima-tahun/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suami-pengasuh-ditahan-amang-seksual-budak-asuhan-461467 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/653459/berita/semasa/suami-pengasuh-ditahan-amang-seksual-budak-asuhan | SINARHARIAN.COM.MY |

9/3/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **TASKA DI PEJABAT SOLUSI ELAK TRAGEDI BAYI MATI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/653370/suara-sinar/lidah-pengarang/taska-di-pejabat-solusi-elak-tragedi-bayi-mati | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **POLIS TAHAN WARGA ASING LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP BUDAK PEREMPUAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/polis-tahan-warga-asing-lakukan-amang-seksual-terhadap-budak-perempuan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-warga-asing-gesel-kemaluan-pada-kanakkanak-dicekup-461451 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.getaran.my/artikel/semasa/57339/warga-asing-ditahan-lakukan-amang-seksual-terhadap-kanak-kanak | GETARAN.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/653435/berita/semasa/lelaki-warga-asing-gesel-kemaluan-pada-kanak-kanak-dicekup | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.tvsarawak.my/2024/03/08/warga-asing-ditahan-lakukan-amang-seksual-terhadap-kanak-kanak/ | TVSARAWAK.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2277381 | BERNAMA.COM |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/amang-seksual-budak-7-tahun-warga-nepal-ditahan/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068103/warga-nepal-ditahan-lakukan-amang-seksual-terhadap-budak-perempuan | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2024/03/08/amang-seksual-terhadap-budak-7-tahun-lelaki-nepal-ditahan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DIJULANG NEGARA GEMILANG | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024

# Wanita dijulang negara gemilang

## Golongan hawa menjadi entiti peradaban penting dalam negara

**Sambutan** Hari Wanita di seluruh dunia pada tanggal 8 Mac setiap tahun bertujuan meraikan kejayaan dan pencapaian wanita dalam pelbagai bidang, di samping memberi pengiktirafan kepada peranan serta sumbangan mereka.

*Count Her In: Invest in Women. Accelerate Progress*, adalah tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang telah dipilih United Nation Women dengan tanda pagar #InspireInclusion.

Sementara itu, 'Wanita Dijulang, Negara Gemilang' dipilih sebagai tema yang diterjemahkan dalam konteks tempatan, sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2024.

Tema ini memberikan penekanan, pentingnya mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan gender pada semua peringkat sebagai usaha memartabatkan wanita di negara ini.

Peranan wanita pada masa ini setanding dengan lelaki dan kehebatan mereka menonjol dalam pelbagai bidang serta menjadi sumber inspirasi kepada semua.

Kini, wanita memiliki banyak potensi yang harus diakui dan dihargai dalam kehidupan serta masyarakat. Sumbangan wanita adalah pemangkin kepada kecemerlangan negara, selaras dengan aspirasi masyarakat MADANI dan ini adalah manifestasi bahawa golongan hawa merupakan entiti peradaban yang penting dalam negara.

Tema ini juga mengangkat peranan dan sumbangan wanita yang menjadi tonggak utama dalam pembangunan sosial masyarakat.

Sumbangan besar wanita dalam pelbagai sektor negara telah menjadikan Malaysia sebagai negara yang dikenali di dunia.

Perjalanan bagi mengangkat agenda wanita di Malaysia, masih jauh dan penuh dengan liku serta rintangan.

Pada tahun 2022, hampir 56.7 peratus pengambilan pelajar ke pendidikan tinggi didominasi wanita dengan jumlah 681,642 berbanding lelaki, 520,560.

Angka ini membuktikan wanita mendahului dalam bidang pendidikan tinggi. Namun, kejayaan yang diraih wanita dalam pendidikan tinggi tidak diterjemahkan kepada sektor pekerjaan.

Wanita juga tidak dilihat terlibat secara besar-besaran dalam tenaga kerja, baik sebagai pemimpin korporat, undang-undang, akademik, ekonomi atau politik jika dibandingkan dengan jumlah graduan wanita.

Kadar penyertaan tenaga buruh wanita pada tahun 2022 hanya 55.8 peratus, berbanding 81.9 peratus lelaki. Sebanyak 62.9 peratus wanita memilih untuk tidak bekerja kerana mengurus rumah tangga dan terikat dengan tanggungjawab keluarga.

### Usaha perkasakan wanita

'Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat' menggariskan satu daripada tujuh penanda aras yang mahu dicapai di bawahnya ialah 'kadar penyertaan tenaga buruh wanita mencapai 60 peratus'.

Oleh itu, usaha memperkasakan wanita dan mengarusperdanakan gender oleh semua pihak melalui pelbagai program advokasi pemerkasaan komuniti, sokongan sosial, penjanaan pendapatan serta pewujudan persekitaran kondusif perlu diberikan perhatian utama.

Ia bagi menyokong usaha kerajaan untuk mencapai 60 peratus penyertaan tenaga buruh wanita.

Bagi membuktikan kesungguhan Kerajaan PERPADUAN yang berkonsepkan Malaysia MADANI, dalam usaha memperkasakan wanita di negara ini, dan menunjukkan sokongan Kerajaan kepada wanita untuk terus kekal dalam pasaran pekerjaan, melalui Belanjawan MADANI 2024, Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa inisiatif.

Antaranya, meningkatkan had pengecualian cukai pendapatan bagi elaun penjagaan anak yang diterima oleh pekerja atau dibayar terus oleh majikan kepada pusat jagaan kanak-kanak dari RM2,400.00 ke RM3,000.00.

Pada masa sama, melanjutkan galakan cukai bagi wanita yang kembali bekerja hingga 31 Disember 2027 dan memperuntukkan RM720 juta Kemudahan Pinjaman Perniagaan khas untuk golongan wanita dan belia yang menceburi bidang perniagaan.

Dengan adanya pelbagai inisiatif dan usaha Kerajaan MADANI ini, diharapkan berupaya memberikan semangat dan dorongan yang kuat kepada wanita Malaysia untuk terus kekal bersama-sama membangunkan negara demi kehidupan yang lebih berkualiti.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah banyak melaksanakan inisiatif dan membawa perubahan kepada wanita saban tahun.

Inisiatif yang dilaksanakan seperti program literasi undang-undang, perkhidmatan kaunseling, kempen hentikan keganasan terhadap wanita dan advokasi antigangguan seksual adalah bagi meningkatkan kesejahteraan wanita di setiap lapisan masyarakat.

Artikel ini disumbang oleh
Jabatan Pembangunan Wanita

# Jurang gaji lelaki, wanita melebar



NANCY SHUKRI

Oleh ARIF AIMAN ASROL dan CATHERINE IRENE MILTON 8 Mac 2024, 7:40 am

KUALA LUMPUR: Bukan sahaja golongan wanita lebih kebelakang berbanding lelaki dalam pekerjaan, jurang pendapatan antara jantina kini makin melebar apabila wanita dapat gaji 33 peratus kurang berbanding lelaki.

Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendapati jumlah pendapatan purata bagi wanita hanya RM42,080, berbanding pekerja lelaki yang mendapat RM63,117 bagi tahun 2022.

Ini menyaksikan dalam setiap RM100 diterima oleh lelaki, wanita hanya menerima RM66.67 dan secara purata pendapatan wanita bagi tahun tersebut adalah kurang sebanyak 33.33 peratus.

Ia menandakan jurang gaji antara jantina di dalam negara ini semakin melebar berbanding tahun 2021 iaitu setiap RM100 gaji diterima lelaki, wanita menerima RM96.21 dan ia perbezaan sekitar 3.79 peratus sahaja.

Sekiranya melihat pada anggaran jurang gaji oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), ia hanya berada di sekitar 20 peratus tetapi negara mencatat lebih lebih 13 peratus.

Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, jurang pendapatan antara jantina bergantung kepada jenis pekerjaan individu itu dilibatkan dan ia tidak bermakna wanita ditindas.

Menurut beliau, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (NUDP) yang digunakan untuk mengira jurang tersebut turut mengambil kira kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) mengikut jantina dalam pengiraan.

"KPTB wanita ketika ini lebih rendah berbanding lelaki. Mengapa ini berlaku? Kerana wanita ini walaupun mereka mempunyai kelayakan yang tinggi tetapi ada sebahagian daripada mereka tidak bekerja.

"Ini kerana naluri wanita lebih kepada kekeluargaan, mereka menjaga orang yang disayangi misalnya anak atau keluarga lebih tua yang memerlukan penjagaan daripada mereka.

"Namun begitu, kalau kita lihat seluruh persekitaran dari segi mereka yang menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT), universiti sahaja menyaksikan sampai 60 peratus jumlah wanita berbanding lelaki," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di pejabatnya di Bangunan Parlimen Malaysia, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, jumlah wanita yang kini menjadi tenaga buruh adalah 55.8 peratus sahaja berbanding lelaki yang mencapai sebanyak 81.9 peratus peratus.

"Ini kerana golongan wanita mempunyai keutamaan dan perancangan dia sendiri iaitu pada umur tertentu mereka ingin berkahwin serta memiliki keluarganya sendiri.

"Bermakna wanita lebih memberi tumpuan kepada keluarga walaupun tidak ada orang yang menyuruh mereka berbuat demikian tetapi inilah jiwa dan nurani sebagai seorang kaum hawa," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mempunyai Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) untuk membantu pekerja wanita yang ingin mendirikan rumah tangga tanpa menjejaskan kerjaya mereka.

"Ini untuk membantu mereka yang mahu berumah tangga supaya wanita tidak menjadikan isu keluarga sebagai satu perkara menghindarkan mereka daripada pergi bekerja," jelasnya.

Tambahnya, kerajaan kini menyasarkan sebanyak 60 peratus bagi penyertaan tenaga kerja wanita di dalam pasaran dalam jangka masa 10 tahun.

"Itu boleh dijadikan sebagai sasaran tetapi apa yang kita perlu lakukan adalah perlu lihat dari sudut persekitaran tempat kerja supaya golongan wanita yakin untuk kembali bekerja. Ini kerana ada dalam kalangan mereka merasakan tidak selamat seperti terkena gangguan seksual.

"Jadi kita atasi perkara sedemikian melalui pengukuhan undang-undang dan sudah diluluskan iaitu Akta Antigangguan Seksual 2022. Saya agak terkejut kerana memang ramai juga menunggu akta tersebut lulus kerana ia memberi jaminan kepada mereka yang bekerja.

"Selain itu, melalui pindaan Akta Kerja 1955 iaitu dahulu kalau wanita yang bersalin hanya dapat cuti 45 hari dan kini ditingkatkan kepada 98 hari. Malah, suami pula mendapat cuti sebanyak tujuh hari. Ini semua dipercayai membantu meningkatkan keyakinan serta keselesaan," katanya.

Dalam pada itu, Nancy memberitahu bahawa akan ada perkara baik yang menanti golongan 'Hawa' dalam sambutan Hari Wanita, hari ini.

"Hasrat (untuk mengumumkan perkara yang memberi kebaikan pada golongan wanita) itu ada tetapi saya tidak tahu apa yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim nanti.

"Memang ada (perkara) yang kita sarankan kepada Perdana Menteri tetapi ada perkara-perkara perlu difikir dan dirancangkan. Maka sebab itu saya bukan orang yang sesuai untuk memaklumkan perkara ini. Perdana Menteri akan merasmikan ia," ujarnya. – UTUSAN

# Empower yourselves for Malaysia's wellbeing, Nancy tells women

Amirul Aiman - 08 Mar 2024, 07:15 AM

Women, family, and community development minister Nancy Shukri says informed women will bring positive change to society.




*Women, family, and community development minister Nancy Shukri said women form the backbone of modern society and must properly equip themselves, not only financially.*

PETALING JAYA: Women, family and community development minister Nancy Shukri has called on all women in the country to bring positive change to society by empowering themselves.

She said women form the backbone of modern society and must properly equip themselves, not only financially, but also with sufficient information to combat and eliminate all forms of abuse in their communities.

Nancy said her personal desire is to see all Malaysian women become "informed citizens".

"When a woman is well-informed, she has the power to act (and will know) what can be done when something happens to them or occurs within society," she said in an interview with FMT.




The minister said each woman must take the initiative to be well-informed of her rights and the availability of channels where she can report incidents of abuse that may take place within their community.

She said the ministry's "SKUAD WAJA", established in 2021, was aimed at providing women across the nation with critical information that will help them serve as protectors of their respective communities.

"We train them to assist in communities. So when something happens, they know who to call to make a report."

Nancy said between January and May 2023, the welfare department (JKM) handled a total of 2,959 cases of physical, sexual and emotional child abuse.

Of that number, 647 cases were reported in Selangor, the highest across all states in the country, followed by Sabah (333) and Kuala Lumpur (326).

Between 2020 and August 2023, a total of 22,908 cases of domestic violence were reported nationwide, with Selangor, at 4,690 cases, again recording the highest number.

Meanwhile, Nancy said the responsibility of looking after the welfare of children in the country should not fall solely on her ministry as its officers are already overwhelmed on a daily basis with cases of child abuse.

"They have to work not only in safeguarding the victims but also in handling police reports and conducting field visits.

"They also manage situations whenever cases of abuse arise, they need to attend to these incidents first hand. Hence, we don't have enough manpower for the scale of the tasks at hand."

Nancy, who has helmed the ministry since December 2022, is grateful that the unity government has given due importance to tackling abuse by distributing key tasks across several ministries.

"We have the National Social Council chaired by deputy prime minister Ahmad Zahid Hamidi, which (has) eased my concerns about mobilising my ministerial colleagues (to tackle a number of issues involving women and children)."

# Group calls for white paper on enhancing women's representation in Malaysian parliament

By Hakim Mahari - March 8, 2024 @ 5:11pm




Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri has been called to produce a white paper addressing women's political representation.- BERNAMA PIC

KUALA LUMPUR: Project Stability and Accountability for Malaysia (Projek SAMA) has called on The Women, Family and Community Development Ministry to present a white paper on enhancing the proportion of women in the Malaysian parliament.

The group highlighted Malaysia's low ranking, placed 150th out of 190 countries, in the International Parliamentary Union (IPU) survey.

Thus, they told the Minister, Datuk Seri Nancy Shukri, to pledge to produce a white paper addressing women's political representation.

"We only have 30 (13.51 per cent) out of 222 women parliamentarians. Alternatively, we have less than one woman for every seven members of parliament (MPs).

"The situation is worse at the state level, with only 12.17 per cent of elected state assemblywomen, or less than one woman for every eight ADUNs.

"Across the 13 state legislatures, this percentage ranges from 3.13 per cent (Terengganu) to 26.79 per cent (Johor)," the statement read.

The white paper, they said, can be referred to as the Top-up Women-Only Additional Seats (TWOAS), which is a Penang state government white paper.

"While the TWOAS project was unfortunately blocked by intra-party power struggle, it is still relevant for the debate, and the ministry can use the white paper as an entry point to resume the discussion."

The group added that the Parliamentary Special Select Committee (PSSC) on Women, Children and Social Development, consisting of Puchong MP Yeo Bee Yi, who chairs the committee, and eight other MPs, should pursue this matter in parliament.

"While the call for a minimum 30 per cent women representation had been made since the Beijing Platform for Action in 1995, little progress had been made in Malaysia.

"When the IPU first compiled the data on the percentage of women parliamentarians in January 1997, Malaysia then ranked 60th with 15 (7.8 per cent) out of 192 parliamentarians being women.

"Over time, other countries have progressed much and left us behind."

# Expedite social work profession bill, says activist

Faisal Asyraf - 08 Mar 2024, 08:00 AM

Vijayakumari Pillai says the welfare department is in urgent need of qualified and trained social workers to handle domestic abuse cases.




*The social welfare department recorded 4,924 cases of domestic violence in 2023.*

PETALING JAYA: An activist has urged the government to expedite the tabling of a social work profession bill in Parliament to strengthen the social welfare department's (JKM) handling of domestic abuse cases.

Malaysian Association of Social Workers life member Vijayakumari Pillai told FMT activists have been pushing for the bill – originally drafted in 2010 – to be tabled in Parliament, but to no avail.

She said the department does not have enough qualified social workers to handle the volume of domestic abuse cases it presently receives.

The bill aims to formally recognise the profession by establishing a council, which would be responsible for regulating social workers through professional registration and certification. The council will also set practical and educational standards, and encourage professional development.

"JKM is (not sufficiently) equipped with trained social workers to handle domestic violence cases, let alone child protection cases," said the department's former assistant director.

She called on women, family and community development minister Nancy Shukri to go out on the field to see first-hand the "sorry state of affairs in the department".

Vijayakumari said the department, which falls under the ministry, needs to employ more graduates in social work to deal with cases, as done in many countries, and not some "assortment of graduates in unrelated fields" with less than a month's training.

The minister was reported recently as saying that the authorities had recorded 4,924 domestic violence cases last year, with anger (1,406 cases) being the main cause.

This compares with 5,131 and 4,272 cases recorded in 2021 and 2022 respectively, largely fuelled by drug addiction.

However, Vijayakumari believes the data may represent only the tip of the iceberg. She said many victims do not lodge a report due to a variety of reasons, especially to preserve marriage, protect children and due to a lack of financial independence if a divorce were to follow.

"Going for divorce and custody is expensive due to legal fees, while using the government's legal aid route takes too long. So if you are not wealthy, you will have a tough time as you do not have financial resources," she said.

Meanwhile, All Women's Action Society (Awam) senior information and communications officer Amanda Shweeta Louis told FMT financial stress, exacerbated by the lasting effect of the Covid-19 pandemic, may result in a spouse's loss of temper.

"Economic instability such as job loss, debt or financial instability can create a sense of powerlessness and frustration, leading to increased irritability and anger.

"The existing pressure to conform to traditional gender roles to be the provider of the family can exacerbate those feelings, leading to aggressive behaviour as a means of asserting control," she said.

Additionally, she said, men are often forced to suppress their emotions, which may result in an inability to express themselves in healthy ways.

She urged women who are in an abusive relationship to contact civil society organisations such as Awam or the Women's Aid Organisation for free legal information and counselling services.

She said, in appropriate cases, victims will also be given temporary shelter.

# Program Wacana Srikandi Meraikan Kehebatan Wanita Malaysia

Oleh Amira
4 jam lepas




Kuala Lumpur, 8 Mac 2024 - Program Wacana Srikandi yang disempurnakan oleh Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri di Pusat Konvensyen Shah Alam pada Selasa lalu menjadi platform yang unggul bagi para wanita di Malaysia untuk bersatu, berinspirasi dan meraikan kehebatan mereka bersempena dengan Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini.

Majlis yang julung kalinya dianjurkan oleh SACC Convec Sdn. Bhd. (SCSB) menampilkan tiga usahawan berjaya yang berkongsi rahsia kejayaan mereka melalui forum yang dihoskan oleh Fedtri Yahya dengan tajuknya 'Wanita Inspirasi, Ikon Berkualiti' telah memberikan inspirasi suntikan semangat kepada para tetamu yang hadir terutama dalam mengarus perdana gender.

Antara panel yang hadir ialah Aliza Ali, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Chatime Malaysia, Aleeya Zailan, Ketua Pegawai Eksekutif Avenys Malaysia Sdn. Bhd. dan Masitah Mohd Affandy, Penerima Anugerah Pesona Wanita Inspirasi Johor.

"Bersempena dengan Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini dengan tema 'Wanita Dijulung Negara Gemilang' yang memberikan penekanan kepada pentingnya membentuk budaya inklusif dan kesaksamaan gender di semua lapisan masyarakat.



"Sebagai usaha untuk memartabatkan wanita di Malaysia, kami di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menggalakkan para wanita untuk sentiasa bergiat secara aktif dalam bidang ekonomi serta tenaga buruh, di mana kedua-dua ini dapat membantu dalam menjana pendapatan untuk diri sendiri, keluarga sekaligus mewujudkan peluang pekerjaan," ujar YB Nancy ketika ucapan perasmiannya.

Selain itu, majlis turut diceriakan dengan persembahan yang memukau daripada penyanyi tanah air iaitu Anuar Zain, Syamel dan Ernie Zakri serta persembahan fesyen dengan 21 peragaan daripada House of Jedan Shah Alam dengan temanya 'Cahaya Di Aidilfitri'.

Program Wacana Srikandi kali ini turut memberikan penghargaan kepada 3 buah rumah kebajikan iaitu Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia, cawangan Selangor, Yayasan Kebajikan Negara dan Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dengan sumbangan sebanyak RM10,000 bagi setiap rumah.







Sajian istimewa daripada cef berpengalaman di Pusat Konvensyen Shah Alam, saguhati dan hadiah kepada tetamu bertuah merupakan antara pengalaman dan kenangan manis yang dapat dibawa pulang oleh para tetamu yang hadir.

Program Wacana Srikandi ini disokong oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta ditaja oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) selaku penaja utama dan para penaja lain iaitu Menteri Besar Incorporated, Worldwide Holdings Berhad, Selgate Corporation, Datum Corp International Sdn. Bhd., Johawaki, Argania, Ferraflora, CIMB Bank, Concorde Hotel, Naturel dan House of Jedan Shah Alam dengan kerjasama Thrillerz dan MyTicket Asia.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KONGSI REZEKI SEMPENA RAMADAN, AIDILFITRI | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




NORAINI (lima dari kanan) bersama Ameer (tiga dari kiri) melancarkan Menu Rahmah Bazar Ramadan Mydin pada pelancaran Happening Raya. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

# KONGSI REZEKI SEMPENA RAMADAN, AIDILFITRI

## *Mydin lancar kempen 'Happening Raya' yang menawarkan penjimatan, promosi, aktiviti kebajikan serta peraduan menarik*

**Seremban**

Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) melancarkan kempen *Happening Raya* sempena ketibaan Ramadan dan Aidilfitri dengan menawarkan penjimatan dan pilihan barangan persiapan musim perayaan itu.

Sepanjang kempen berlangsung, pelbagai promosi barangan, aktiviti kebajikan serta peraduan menarik dengan ganjaran lumayan dijanjikan kepada masyarakat khususnya pelanggan setia Mydin.

Pengarah Urusannya Datuk Wira Ameer Ali Mydin berkata, pihaknya mengambil kesempatan untuk mengukuhkan lagi jalinan persaudaraan dengan masyarakat melalui Program Jelajah Iftar Ala Madinah sepanjang bulan Ramadan ini.

"Suka saya katakan di sini, pihak kami berbesar hati untuk berkongsi rezeki melalui agihan pek makanan iftar percuma kepada lebih 11,000 pengunjung di tujuh cawangan Mydin terpilih.

"Mydin turut mengadakan pelbagai peraduan menarik antaranya 'Kongsi Kisah Perabot Impian' dengan hadiah perabot bernilai keseluruhan RM30,000 kepada pelanggan yang bertuah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Pelancaran *Happening Raya* yang disempurnakan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, di Mydin Seremban 2, kelmarin.

> "Tahun ini kami berharap agar sasaran dana sebanyak RM250k dapat dicapai
> Ameer

Tambahnya, Mydin bersama hampir 50 syarikat mengumpul dana untuk disalurkan kepada golongan B40 yang dikenal pasti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Sumbangan yang terkumpul melalui pembelian produk terpilih akan disalurkan dalam bentuk persiapan pakaian baharu dan bakul makanan bagi memeriahkan perayaan mereka.

"Insya-Allah, tahun ini kami berharap agar sasaran dana sebanyak RM250,000 dapat dicapai agar dapat membantu lebih ramai meraikan Aidilfitri dengan lebih bermakna," katanya.

Jelas Ameer, Mydin juga menganjurkan Bazar Ramadan Indoor di cawangan pasar raya besar dengan menawarkan lebih 100 juadah berbuka puasa selain menawarkan Menu Rahmah.

Beliau berkata, Mydin bersama rakan niaga akan mengedarkan sebanyak 45,000 bekas bubur lambuk kepada orang ramai khususnya pelanggan di cawangan terbabit.

Katanya lagi, kali ini Mydin bekerjasama dengan aplikasi bayaran digital iaitu Boost dan SPayLater bagi menawarkan pulangan tunai RM5 bagi setiap perbelanjaan minimum RM50 menggunakan aplikasi itu.

Sementara itu, Noraini berkata, syarikat korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) juga mempunyai peranan masing-masing untuk membantu usaha memperkasa institusi kemasyarakatan dalam pengoperasian perniagaan mereka.

"Dalam usaha memastikan kestabilan sosial dapat dicapai, negara memerlukan institusi keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan atau *resilient*.

"Saya ingin memuji inisiatif dijalankan Mydin sebagai *responsible retailer* yang memainkan peranannya memperkukuh usaha pemerkasaan sosial dengan cara mereka tersendiri," katanya.




MYDIN melancarkan kempen 'Happening Raya' sempena ketibaan Ramadan dan Aidilfitri dengan menawarkan penjimatan dan pilihan barangan persiapan musim perayaan.




NORAINI (tengah) bersama Ameer (tiga dari kiri) bersama rakan-rakan strategik pada pelancaran 'Happening Raya.'

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEDOFILIA MAKIN MEMBARAH? | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 01&02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |





Oleh Muhammad Saufi Hassan
saufi@mediaprima.com.my


# LELAKI BERNAFSU JIJIK BERTAMBAH

**PDRM terima 93,368 alamat IP disyaki kongsi kandungan lucah kanak-kanak di Internet sepanjang tahun lalu**

**Kuala Lumpur**

Ancaman 'lelaki aneh' yang sememangnya mencetuskan ketakutan. Itu yang berlaku apabila golongan lelaki bernafsu jijik terhadap kanak-kanak atau dikenali sebagai pedofilia didapati meningkat ketara di negara ini.

Fakta ini disokong susulan penemuan lebih 100,000 penjejakan identiti alamat Internet Protokol (IP) berpangkalan di negara ini yang melayari laman web lucah terutama web menyediakan bahan pornografi kanak-kanak.

Taip saja kata kunci berkaitan bahan pornografi, terdapat ribuan hasil carian termasuk 'hidangan' video walaupun enjin carian berkenaan sudah dilengkapi dengan kefungsian penapisan kata kunci *eksplicit*.

Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-kanak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendedahkan, pihaknya sebelum ini menerima 93,368 alamat IP yang disyaki berkongsi kandungan lucah kanak-kanak di Internet sepanjang tahun lalu.

Maklumat itu diperoleh hasil kerjasama melalui sistem perkongsian membabitkan Bukit Aman dan Polis Antarabangsa (Interpol), Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat dan *National Center For Missing and Exploited Children*.

Kegiatan dan hobi gila ini bagaimanapun semakin galak walaupun individu yang melayari laman web lucah atau bahan pornografi kanak-kanak menyedari ia satu kesalahan mengikut Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017.



SEBANYAK kira-kira 50 peratus kanak-kanak berumur antara 13 hingga 15 tahun didapati berhubung dengan pelaku jenayah menerusi aplikasi WeChat dan media sosial lain beberapa tahun lalu.

Presiden Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA) Siraj Jalil berkata, berdasarkan data yang dikeluarkan PDRM baru-baru ini mendedahkan lebih 100,000 IP berdaftar di negara ini melayari laman web lucah kanak-kanak.

Menurutnya, angka itu jelas meningkat berbanding 17,000 IP dikesan pada 2015.

"Lebih membimbangkan sebanyak kira-kira 50 peratus kanak-kanak berumur antara 13 hingga 15 tahun didapati berhubung dengan pelaku jenayah menerusi aplikasi WeChat dan media sosial lain beberapa tahun yang lalu.

"Jumlah IP tempatan direkodkan ini, sekali gus memberi gambaran awal wujud trend yang tidak sihat di Malaysia.

"Saya juga yakin bahawa angka berkenaan sebenarnya mungkin lebih tinggi kerana rekod berkenaan hanya menunjukkan IP berdaftar saja. Wujud kaedah untuk melepasi atau *bypass* IP sebenar.

"Menggunakan kaedah Rangkaian Peribadi Maya (VPN), sesiapa saja boleh mengakses laman web tanpa perlu mendedahkan IP asal mereka atau *origin IP* untuk penjejakan," katanya kepada Harian Metro.

Siraj memberi contoh bahawa jika seseorang itu berada di Malaysia namun mahu menutup IP atau *masking IP*, individu berkenaan boleh menghidupkan VPN dengan memilih mana-mana negara yang dirasakan sesuai seperti Amerika Syarikat (AS) dan sebagainya.

Beliau berkata, wujud juga tindakan segelintir pengguna yang mahu menutup jejak mereka dengan menggunakan pelbagai lapis VPN sekali gus keadaan itu sangat menyukarkan pihak berkuasa untuk menjejaki.

"Jika kita hidupkan VPN di peranti pintar atau laptop, itu mungkin sudah biasa, VPN juga boleh dihidupkan kepada penghala (*router*), pada masa sama peranti pintar yang menggunakan jaringan Internet penghala berkenaan menghidupkan VPN lokasi lain, sekali gus terdapat dua lapisan jejak.

"Isu sama yang berlaku terhadap pengguna yang melayari laman web lucah kanak-kanak, saya yakin ramai dalam kalangan pengguna yang sedikit celik teknologi akan menggunakan manfaat VPN sepenuhnya supaya mereka tidak terjejak dengan IP asal," katanya.

Menurutnya, ruang siber ini terlalu luas untuk dikawal pada segenap inci namun pendedahan serta pendidikan kepada ibu bapa dan kanak-kanak perlu diteruskan.

Katanya, menerusi kaedah itu mampu untuk meminimumkan risiko apabila semua pihak mengetahui tentang perlakuan yang menjadi kesalahan manakala kanak-kanak tahu tentang hak mereka.

## Saran beri hukuman lebih tegas kepada pelaku

**Kuala Lumpur:** Terdapat tiga seksyen khusus boleh diguna pakai bagi mendakwa pesalah termasuk golongan pedofilia atas kesalahan mengumpul bahan pornografi kanak-kanak.

Pengarah Advokasi Khidmat Guam, Mahmud Jumaat berkata, ia merangkumi Seksyen 10, Seksyen 292 (a) Kanun Keseksaan dan Seksyen 5(1) Akta Penapisan Filem 2002.

"Menerusi Seksyen 10 Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017, ia menggariskan bahawa mana-mana individu yang mengakses atau mempunyai dalam milikan atau kawalan apa-apa pornografi kanak-kanak boleh didakwa.

"Mana-mana orang yang mengakses atau mempunyai dalam milikan atau kawalannya, apa-apa pornografi kanak-kanak boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan mengikut Seksyen 292(a) Kanun Keseksaan (Akta 574) pula menjelaskan bahawa menjadi kesalahan bagi sesiapa menjual, membolehkan mendapat upah,



MAHMUD

mengedarkan, mempamerkan secara terbuka atau dengan apa-apa cara digunakan untuk mengedar.

"Peruntukkan ini juga meletakkan bahawa sebarang bentuk untuk jualan, sewa, pengedaran, pameran awam atau peredaran membuat, menghasilkan atau memiliki dalamnya memiliki mana-mana buku lucah, risalah, lukisan, lukisan, lambang atau angka atau mana-mana objek lucah boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun atau denda atau dengan kedua-duanya," katanya.

Mahmud berkata, individu terbabit juga boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 5(1) Akta Penapisan Filem 2002.

"Saya mencadangkan kerajaan segera menggubal ataupun meminda undang-undang berkaitan bagi membolehkan hukuman lebih tegas dikenakan untuk membanteras perbuatan menonton dan berkongsi pornografi kanak-kanak.

"Setakat ini, di bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, tiada hukuman penjara minimum membabitkan pornografi boleh dikenakan terhadap pihak pelaku.

"Ini bermakna, atas budi bicara mahkamah si pelaku boleh dikenakan hukuman serendah satu hari bagi kesalahan dilakukannya," katanya.

# Grab Malaysia expands #SisBoleh programme for women's empowerment

STARPICKS

Friday, 08 Mar 2024

7:46 AM MYT



Foo, Noraini and ACP Shahrulnizam (in the centre) joined by women driver- and delivery-partners at Grab Malaysia's recent International Women's Day celebration.

PETALING JAYA: Grab, Southeast Asia's leading superapp, recently announced the expansion of their #SisBoleh programme.

The announcement was made in conjunction with the International Women's Day celebrations Grab Malaysia organised in Johor Bahru, Kuantan, Klang Valley for its women driver- and delivery-partners.

#SisBoleh, is a women empowerment programme introduced by Grab Malaysia last year. It is aimed to provide support and a peace of mind to women on the Grab platform as a driver- and delivery-partner, but with a focus on safety.

Moving forward, it will now include two new pillars - Onboarding and Training as well as Community.



Noraini (centre) and ACP Shahrulnizam sharing a light moment with the invited guests when she graced the celebration in Klang Valley.

Gracing the celebration in Klang Valley were Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad and Petaling Jaya district police chief ACP Shahrulnizam bin Ja'afar @ Ismail.

In her speech, Noraini lauded Grab for its efforts to make the platform more inclusive for women.

"The #SisBoleh programme is commendable for its comprehensive support for women. By addressing safety concerns, building a nurturing community of strong and independent women, and breaking down barriers, Grab is setting an exemplary standard for what it means to truly be an inclusive platform that supports women's participation in the gig economy.

"As we continue accelerating progress for women, it is imperative to foster meaningful collaborations between the public and private sectors.

"It is through collective efforts we can drive positive change and advance gender equality and women's empowerment."

**#SisBoleh Women empowerment initiative**

Based on surveys and feedback from current Grab women partners, many were deterred from joining the platform due to preconceived mindset that driving and deliveries are not suitable for women, and lack general confidence.

As such, the expanded programme is a commitment to improve gender equality, and reduce barriers for women, to enable and empower more women to earn on the Grab platform.

The platform wants to equip them with necessary skills and know-how so they can confidently earn and build a community of empowered womenfolk from the moment they join the platform.

**Onboarding and training**

This involves customised training sessions designed specifically for women, such as in-car safety training, managing difficult situations with passengers and car maintenance.

Training materials will be made available through Grab partners' learning portal, GrabAcademy.

**Community**

This will focus on developing a Grab women partners-only online community to encourage women to mutually share and discuss topics more relevant to them.

It will also involve more frequent on-ground engagements geared for women to network and build a stronger bond.

As a first step, Grab Malaysia is offering free PSV classes (which are usually priced at RM150) in Petaling Jaya, Pulau Pinang and Johor Bahru for women drivers, from March 8 to 31.

Grab Malaysia managing director Adelene Foo shared that the company is encouraged by the number of women earning on Grab today.

"The growth rate of women on our platform from Jan 2021 to Jan 2024, has increased by almost 156%.

"Women make up slightly over half the population in Southeast Asia, yet only represent 24% in the workforce, and an even smaller percentage are driver- and delivery-partners.

"We see this as a great opportunity to build a truly inclusive platform and make women feel welcomed."

Foo added: "We hope the #SisBoleh programme can create more economically independent women, which is in line with Grab's mission to drive Southeast Asia forward by creating economic empowerment for everyone."

She also encouraged women to participate in the programmes and share their opinion so they can co-create a platform that truly prioritises women.

**Safety tech innovation - Women Passengers Preferred BETA**

Continuing the efforts to improve safety standards on the platform, Foo also shared that Grab will be introducing the 'Women Passengers Preferred BETA' feature.

The new feature, which was rolled out on March 5, will increase the chances of women-drivers who have opted in (to the feature) to be matched with only women passengers, if there is one within the vicinity.

To complement this, women passengers will be encouraged to update their details in their Grab App.

The feature is the latest in a series of safety tech innovations Grab has invested to keep users safe while on the road.

A feature, which was introduced last year -Audio Protect -, is gaining traction with seven out of 10 driver-partners and passengers opting into the feature, especially at night.



Women officers from PDRM joined in the celebration.

ACP Shahrulnizam shared, "As the Royal Malaysia Police (PDRM), our commitment to ensuring safety and security for all individuals remain unwavering, which is one of the reasons we established Amanita.

"Similarly, programmes #SisBoleh and Grab's beta safety feature reinforces the importance of women within each community in fostering a safer environment for everyone.

"By working together, we can create a community-driven approach to safety that benefits all members of society."

# Kabinet kerajaan ucap selamat Hari Wanita



ZALIHA MUSTAFA

Oleh ARIF AIMAN ASROL 8 Mac 2024, 3:02 pm

PETALING JAYA: Golongan wanita disifatkan sebagai tonggak utama dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara maka peranan yang dimainkan oleh mereka perlu terus dihargai semua pihak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr. Zaliha Mustafa berkata, wanita memainkan tanggungjawab sebagai seorang ibu hingga ke pemimpin di persada global.

Kata beliau, peranan dan sumbangan wanita seharusnya diakui dan dihargai oleh setiap lapisan masyarakat.

"Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wanita Sedunia kepada seluruh wanita di Malaysia, khususnya di Wilayah Persekutuan.

Bersama-sama kita memartabatkan wanita yang merupakan tulang belakang dan pemangkin kepada kecemerlangan negara. Selamat Hari Wanita Sedunia," katanya di dalam satu hantaran di Facebook, hari ini.

Sependapat dengan itu, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, realitinya pada hari ini wanita sudah mula diposisikan di titik tertinggi dengan ruang-ruang yang sudah dibuka kepada golongan tersebut.

"Kita wanita yang mempunyai kekuatan dan diselami dengan kepercayaan dan kasih sayang. Buat semua wanita, semoga terus sakti dalam menempuhi mehnah dan tribulasi dalam menelusuri perjalanan mengemudi sebuah bahtera kehidupan," katanya.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh berkata, beliau berharap golongan wanita terus maju di dalam bidang yang diceburi.

"Pelbagai langkah diambil sepanjang tahun lalu bagi memperkasakan wanita dalam sukan (antaranya) representasi wanita dalam Lembaga Pengarah Badan Berkanun di bawah Kementerian Belia dan Sukan meningkat daripada 19 peratus ke 30.6 peratus.

"(Selain itu beberapa) pembaharuan untuk memperkasakan wanita dalam bidan belia dan sukan (iaitu antaranya) mewujudkan klinik kesihatan wanita pertama untuk atlet di sekolah dan membangunkan Kod Sukan Selamat untuk mewujudkan persekitaran yang selamat untuk wanita bersukan.

"(Turut) melancarkan Program Senamrobik Komuniti secara percuma di 43 buah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur," jelasnya.

Dalam pada itu, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menyeru seluruh rakyat Malaysia memakai baju berwarna ungu sebagai tanda menyambut Hari Wanita, hari ini.

"Jom rakyat Malaysia! Ramai-ramai kita pakai ungu hari ini, tanda penghargaan kepada wanita- wanita istimewa yang sentiasa menjadi tulang belakang dalam pembentukan keluarga dan masyarakat," ujarnya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PM: WOMEN PLAY KEY ROLE IN COMMUNITY DEVELOPMENT | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# PM: Women play key role in community development

**KUALA LUMPUR:** Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said inclusivity for women was important to ensure sustainable community development.

In conjunction with International Women's Day, Anwar in a Facebook post said women played a huge role in building civilisations and societies.

He added that the government remains firm and consistent in advocating for women's rights and ensuring that policies are established to strengthen every aspect of women's rights.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KERAJAAN KONSISTEN BELA HAK, KEBAJIKAN WANITA: PM | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kerajaan konsisten bela hak, kebajikan wanita: PM

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan kekal tegas dan konsisten dalam membela hak wanita di negara ini.

Bersempena Hari Wanita Antarabangsa yang disambut semalam, Anwar dalam laman Facebooknya berkata kerajaan juga akan memastikan kebijakan didirikan dalam menjamin setiap sudut hak wanita terus diperteguh.

"Selamat menyambut Hari Wanita kepada seluruh kaum wanita terutama di Malaysia.

"Hari besar ini disambut sebagai menghargai peranan dan tanggungjawab yang dimainkan golongan wanita dalam membangun tamadun dan masyarakat, selain memastikan kaum wanita diberi tempat yang selayaknya untuk menyumbang ke arah pembangunan masyarakat yang mampan," katanya.

Beliau turut mengambil kesempatan menzahirkan penghargaan kepada isterinya Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, kerana terus bersama dalam perjuangan yang panjang dalam merubah sistem dan membetulkan kepincangan.

Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi mengiktiraf pencapaian wanita dalam pelbagai bidang serta memperjuangkan hak golongan berkenaan. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PM TEGASKAN KERAJAAN KEKAL BERI RUANG, HAK | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# PM tegaskan kerajaan kekal beri ruang, hak

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan kekal tegas dan konsisten dalam membela hak wanita di negara ini.

Bersempena Hari Wanita Antarabangsa yang disambut semalam, Anwar dalam laman Facebooknya berkata, kerajaan juga akan memastikan kebijakan didirikan dalam menjamin setiap sudut hak wanita terus diperteguh.

"Selamat menyambut Hari Wanita kepada seluruh kaum wanita terutama di Malaysia.

"Hari besar ini disambut sebagai menghargai peranan dan tanggungjawab dimainkan wanita dalam membangun tamadun serta masyarakat, selain memastikan wanita diberi tempat selayaknya untuk menyumbang ke arah pembangunan masyarakat yang mampan," katanya.

Beliau turut mengambil kesempatan menzahirkan penghargaan kepada isterinya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, kerana terus bersama dalam perjuangan yang panjang dalam merubah sistem dan membetulkan kepincangan.

Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi mengiktiraf pencapaian wanita dalam pelbagai bidang serta memperjuangkan hak golongan berkenaan. BERNAMA

# Kerajaan konsisten bela hak, kebajikan wanita - Anwar

BERNAMA



ANWAR Ibrahim. FOTO Asyraf Hamzah

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan kekal tegas dan konsisten dalam membela hak wanita di negara ini.

Bersempena Hari Wanita Antarabangsa yang disambut hari ini, Anwar dalam laman Facebooknya berkata kerajaan juga akan memastikan kebijakan didirikan dalam menjamin setiap sudut hak wanita terus diperteguhkan.

"Selamat menyambut Hari Wanita kepada seluruh kaum wanita terutama di Malaysia.

"Hari besar ini disambut sebagai menghargai peranan dan tanggungjawab yang dimainkan golongan wanita dalam membangun tamadun dan masyarakat, selain memastikan kaum wanita diberi tempat yang selayaknya untuk menyumbang ke arah pembangunan masyarakat yang mampan," katanya.

Beliau turut mengambil kesempatan menzahirkan penghargaan kepada isterinya Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, kerana terus bersama dalam perjuangan yang panjang dalam merubah sistem dan membetulkan kepincangan.

Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi mengiktiraf pencapaian wanita dalam pelbagai bidang serta memperjuangkan hak golongan berkenaan.

Disiarkan pada: Mac 8, 2024 @ 4:33pm

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HARGAI, HORMATI WANITA: RAJA PERMAISURI AGONG | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Hargai, hormati wanita: Raja Permaisuri Agong

**Kuala Lumpur:** Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah semalam bertitah menyeru rakyat supaya menghargai wanita, menghormati dan menyantuni mereka dengan lemah-lembut dan penuh kasih sayang.

Menerusi Facebook rasmi Sultan Ibrahim Sultan Iskandar semalam, Raja Zarith Sofiah bertitah menzahirkan ucapan Selamat Menyambut Hari Wanita Antarabangsa 2024 kepada semua wanita di Malaysia.

"Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menyeru rakyat menghargai wanita dan hormati serta santunilah mereka dengan lemah lembut dan penuh kasih sayang kerana mereka juga berperanan dalam membantu kepada pembangunan negara," menurut hantaran itu.

Dengan tema sambutan tahun ini Wanita Dijulang Negara Gemilang, Raja Zarith Sofiah turut menzahirkan penghargaan kepada semua wanita yang menggalas pelbagai tanggungjawab sama ada sebagai isteri, ibu serta pelbagai bidang pekerjaan diceburi.

Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi mengiktiraf pencapaian wanita dalam pelbagai bidang serta memperjuangkan hak golongan berkenaan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'APPRECIATE, RESPECT AND TREAT WOMEN WITH KINDNESS' | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

INTERNATIONAL WOMEN'S DAY

# 'APPRECIATE, RESPECT AND TREAT WOMEN WITH KINDNESS'

They contribute to progress of nation, says queen

**KUALA LUMPUR**

HER Majesty Raja Zarith Sofiah, Queen of Malaysia, yesterday called on the people to show appreciation and respect towards women and treat them with gentleness and love.

In a post on the official Facebook page of His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia, Raja Zarith Sofiah wished all women in Malaysia a happy International Women's Day.

"Her Majesty has urged everyone to appreciate and respect women, treating them with kindness and love, as they too contribute to the progress of the nation," it said.

In line with this year's theme for Malaysia's celebration of International Women's Day, "*Wanita Dijulang, Negara Gemilang*" (Women Elevated, Nation Excels), Raja Zarith Sofiah conveyed her deepest appreciation to all women who fulfil various responsibilities, whether as wives, mothers, or workers across different fields.

International Women's Day, observed annually on March 8, recognises the accomplishments of women in various fields, while also advocating for the ongoing fight for women's rights. **Bernama**



*Raja Zarith Sofiah*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HARGAI, HORMATI, SANTUNI WANITA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Hargai, hormati, santuni wanita

## Titah Raja Permaisuri Agong sempena Hari Wanita Antarabangsa

**KUALA LUMPUR: Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah semalam bertitah menyeru rakyat supaya menghargai wanita, menghormati dan menyantuni mereka dengan lemah lembut dan penuh kasih sayang.**

Menerusi laman Facebook rasmi Sultan Ibrahim Sultan Iskandar semalam, Raja Zarith Sofiah bertitah menzahirkan ucapan Selamat Menyambut Hari Wanita Antarabangsa 2024 kepada semua wanita di Malaysia.

"Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menyeru rakyat menghargai wanita dan hormati serta santunilah mereka dengan lemah lembut dan penuh kasih sayang kerana mereka juga berperanan dalam membantu kepada pembangunan negara," menurut hantaran di laman Facebook itu, semalam.

Dengan tema sambutan tahun ini 'Wanita Dijulang Negara Gemilang', Raja Zarith Sofiah turut menzahirkan penghargaan kepada semua wanita yang menggalas pelbagai tanggungjawab sama ada sebagai isteri, ibu serta pelbagai bidang pekerjaan yang diceburi.

Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi mengiktiraf pencapaian wanita dalam pelbagai bidang serta memperjuangkan hak golongan berkenaan. — Bernama

> "Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menyeru rakyat menghargai wanita dan hormati serta santunilah mereka dengan lemah lembut dan penuh kasih sayang kerana mereka juga berperanan dalam membantu kepada pembangunan negara."
>
> **Raja Zarith Sofiah**
> *Raja Permaisuri Agong*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RAJA PERMAISURI AGONG TITAH SANTUNI WANITA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Raja Permaisuri Agong titah santuni wanita

**Kuala Lumpur:** Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah semalam bertitah rakyat perlu menghargai wanita, menghormati dan menyantuni mereka dengan lemah lembut serta penuh kasih sayang.

Menerusi laman Facebook rasmi Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, Raja Zarith Sofiah menzahirkan ucapan Selamat Menyambut Hari Wanita Antarabangsa 2024 kepada semua wanita di Malaysia.

"Baginda menyeru rakyat menghargai wanita dan menghormati serta menyantuni mereka dengan lemah lembut dan penuh kasih sayang kerana mereka juga berperanan dalam membantu kepada pembangunan negara," kata hantaran di laman Facebook itu, semalam.

Dengan tema sambutan tahun ini 'Wanita Dijulang Negara Gemilang', Raja Zarith Sofiah turut menzahirkan penghargaan kepada semua wanita yang menggalas pelbagai tanggungjawab sama ada sebagai isteri, ibu dan pelbagai bidang pekerjaan yang diceburi.

Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi mengiktiraf pencapaian wanita dalam pelbagai bidang serta memperjuangkan hak golongan berkenaan. BERNAMA




Kredit FB Sultan Ibrahim Sultan Iskandar

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | QUEEN: APPRECIATE AND RESPECT WOMEN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Queen: Appreciate and respect women

**KUALA LUMPUR:** Her Majesty Raja Zarith Sofiah, Queen of Malaysia, has called on the people to show appreciation and respect towards women and treat them with gentleness and love.

In a post on the official Facebook page of His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia, Raja Zarith Sofiah wished all women in Malaysia a happy International Women's Day 2024.

"Her Majesty has urged everyone to appreciate and respect women, treating them with kindness and love, as they, too, contribute to the progress of the nation," it said yesterday.

In line with this year's theme for Malaysia's celebration of International Women's Day, "Wanita Dijulang, Negara Gemilang" (Women Elevated, Nation Excels), Raja Zarith Sofiah conveyed Her Majesty's deepest appreciation to all women who diligently fulfil various responsibilities, whether as wives, mothers or workers across different fields.

In a post on Facebook, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the government remains firm in protecting the rights of women in this country.

The government, he said, would also ensure that relevant policies are drawn to continue upholding every aspect of women's rights.




**Royal hope:** In a post on the official Facebook page of His Majesty Sultan Ibrahim, Her Majesty Raja Zarith Sofiah has urged the people to treat women with dignity as they contribute greatly to nation-building.

"This significant day is celebrated to appreciate the role and responsibility of women in building civilisation and society and to ensure that they are given the rightful place to contribute to the sustainable development of society," he said.

Anwar also expressed appreciation to his wife, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, for standing together in the long struggle to reform the system.

International Women's Day is celebrated on March 8 every year to recognise women's achievements in various fields and advocate for their rights.

# Hari Wanita: Hargai, hormati, santuni dengan penuh kasih sayang - Raja Permaisuri Agong

BERNAMA



RAJA Zarith Sofiah

Kuala Lumpur: Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah hari ini bertitah menyeru rakyat supaya menghargai wanita, menghormati dan menyantuni mereka dengan lemah lembut dan penuh kasih sayang.

Menerusi laman Facebook rasmi Sultan Ibrahim Sultan Iskandar hari ini, Raja Zarith Sofiah bertitah menzahirkan ucapan Selamat Menyambut Hari Wanita Antarabangsa 2024 kepada semua wanita di Malaysia.

"Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menyeru rakyat menghargai wanita dan hormati serta santunilah mereka dengan lemah lembut dan penuh kasih sayang kerana mereka juga berperanan dalam membantu kepada pembangunan negara," menurut hantaran di laman Facebook itu, hari ini.

Dengan tema sambutan tahun ini 'Wanita Dijulang Negara Gemilang', Raja Zarith Sofiah turut menzahirkan penghargaan kepada semua wanita yang menggalas pelbagai tanggungjawab sama ada sebagai isteri, ibu serta pelbagai bidang pekerjaan yang diceburi.

Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi mengiktiraf pencapaian wanita dalam pelbagai bidang serta memperjuangkan hak golongan berkenaan.

Disiarkan pada: Mac 8, 2024 @ 12:01pm




# Hari Wanita: Iktiraf peranan, suara wanita terlebih dahulu

Secara tradisinya, wanita merupakan nadi dan pusat kehidupan masyarakat tetapi sumbangan mereka sering diabaikan dan dipandang remeh.

Mac 8, 2024 07:41 MYT

# Zahid ucap selamat Hari Wanita

Oleh **Wartawan MalaysiaGazette** - 8 March 2024




*Poster ucapan selamat Hari Wanita yang dikongsikan di Facebook Zahid hari ini.*

KUALA LUMPUR – Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengucapkan Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada semua wanita khususnya buat rakyat Malaysia tidak kira siapa dan di mana jua mereka berada.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tahun ini tema Wanita Dijulang, Negara Gemilang amat bertepatan dalam usaha negara memangkin peranan penting wanita dalam masyarakat, ekonomi dan kehidupan.

"Hari ini, bukanlah bermakna hanya satu hari untuk kita mengiktiraf dan menghargai golongan wanita.

"Tetapi hari ini adalah ruang untuk kita santuni pengorbanan wanita agar dapat terus memperkasa kesejahteraan dan kemakmuran negara," katanya menerusi hantaran di Facebook beliau hari ini. – MalaysiaGazette

# Komited urus keluarga batasi wanita aktif dalam pasaran kerja

Oleh Hawati Abdul Hamid dan Puteri Marjan Megat Muzafar - Mac 8, 2024 @ 9:15am
bhrencana@bh.com.my




DUNIA sekali lagi meraikan Hari Wanita Sedunia pada hari ini, 8 Mac yang menekankan kepentingan melabur demi kemajuan wanita dengan tema 'Pelaburan untuk Wanita: Memacu Secara Progres'.

Merapatkan jurang antara jantina di tempat kerja perlu terus menjadi tumpuan dalam agenda pemerkasaan wanita. Pelaburan kerajaan dalam agenda pemerkasaan wanita perlu dilihat sebagai satu insentif strategik kerana wanita adalah sumber manusia penting dalam pembangunan negara.

Penyertaan wanita dalam ekonomi produktif bukan sahaja meningkatkan jumlah tenaga buruh dan menyumbang kepada ekonomi, tetapi lebih penting lagi akan mengukuhkan kedudukan wanita dalam menentukan masa depan mereka serta keluarga, bukan hanya bergantung kepada lelaki semata-mata.

Memandangkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita Malaysia masih rendah, 55.8 peratus berbanding lelaki iaitu 81.9 peratus, kerajaan sasar merapatkan jurang ini di bawah Kerangka Ekonomi MADANI yang diumumkan kerajaan tahun lalu.

Kadar penyertaan tenaga buruh wanita disasar untuk ditingkatkan kepada 60 peratus dalam tempoh 10 tahun demi memacu potensi wanita dalam aktiviti ekonomi lebih produktif.

Cabaran dalam penjagaan dikenal pasti sebagai faktor membataskan penyertaan wanita dalam dunia pekerjaan. Sehubungan itu, beberapa bentuk inisiatif responsif gender diperkenalkan kerajaan seperti insentif penggalakan wanita kembali bekerja serta subsidi dan pelepasan cukai berkaitan penjagaan anak.

Namun, di sebalik usaha dilaksanakan, pencapaian sasaran adalah perlahan. Antara 2018 hingga 2022, kadar penyertaan tenaga buruh wanita kekal berlegar sekitar 55 peratus, manakala lelaki mencatatkan peningkatan 1.5 mata peratusan dalam tempoh sama.

Perbezaan ini harus dipandang lebih serius memandangkan wanita secara am mencapai tahap pendidikan lebih tinggi daripada lelaki. Kira-kira 44.1 peratus wanita dalam tenaga buruh memperoleh Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan ke atas, mengatasi lelaki dengan 35.8 peratus. Namun wanita menunjukkan prestasi kurang memberangsangkan berbanding lelaki dalam pasaran buruh.

Secara mutlak, bilangan wanita di luar tenaga buruh melebihi lelaki 2.3 kali, masing-masing 4.95 juta dan 2.16 juta pada 2022. Peningkatan ketara berlaku antara 2011 dan 2018, dengan pertambahan 1.38 juta wanita menyertai tenaga kerja.

Namun, peningkatan itu sebahagiannya disebabkan peningkatan wanita bekerja sendiri, sesuatu yang dilihat lebih berisiko. Ia meningkat daripada 11.2 peratus wanita bekerja pada 2011 kepada 19.5 peratus pada 2018, pertambahan 627,500 tenaga kerja wanita.

Angka penyertaan tenaga buruh wanita dari segi kumpulan umur menunjukkan kadarnya memuncak pada umur 25 hingga 29 paras 77.5 peratus.

**Tenaga kerja wanita beransur-ansur menurun**

Memandangkan usia perkahwinan pertama wanita Malaysia adalah pada 27 tahun, tenaga kerja wanita secara beransur-ansur menurun untuk semua kumpulan umur seiring tempoh melahirkan dan mengasuh anak.

Situasi ini menzahirkan cabaran dihadapi wanita dan kekangan Malaysia memanfaatkan sepenuhnya potensi modal insan negara. Sebab utama wanita memilih untuk tidak bekerja kerana tanggungjawab menjaga anak dan komitmen terhadap kerja rumah tangga.

Data menunjukkan 3.1 juta atau 62.9 peratus dalam kalangan wanita tidak bekerja menyebut tanggungjawab keluarga sebagai sebab mereka tidak mencari kerja. Ini sangat berbeza dengan lelaki apabila hanya sebahagian kecil iaitu 50,500 atau 2.3 peratus lelaki tidak berkerja menyatakan sebab sama.

Wanita secara umum memikul lebih banyak beban penjagaan dan kerja rumah daripada lelaki. Pada peringkat global, wanita secara purata menjalankan 76.4 peratus kerja penjagaan tidak berbayar dan memperuntukkan masa selama 4.5 jam sehari, berbanding lelaki sekadar 1.4 jam.

Di Malaysia, Kajian Penggunaan Masa rintis oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) pada 2018 mendapati wanita menghabiskan 63.6 peratus lebih masa untuk kerja penjagaan tidak berbayar berbanding lelaki, walaupun kedua-duanya menghabiskan masa setara untuk kerja berbayar.

Ini menyerlahkan beban berganda atau syif kedua ditanggung wanita dalam pengurusan kerja di rumah selepas menyelesaikan syif pertama di tempat kerja.

Dalam hal ini, Malaysia perlu mempergiat usaha untuk memacukan kemajuan wanita dalam bidang kerjaya. Peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh yang perlahan beberapa tahun kebelakangan ini juga mungkin disebabkan faktor seperti norma sosiobudaya yang perlu ditangani sewajarnya jika faktor itu mengekang kemajuan wanita.

Namun, apa yang paling penting adalah memastikan usaha meningkatkan tenaga kerja wanita tidak mengorbankan kesejahteraan mereka. Mendorong wanita bekerja tanpa sokongan yang sesuai hanya berisiko memburukkan lagi bebanan ditanggung wanita.

Maka, sudah tiba masa beban penjagaan dilihat semula dan tanggungjawab itu dikongsi di dalam dan luar rumah. Dalam rumah, kerja penjagaan perlu dikongsi dengan meningkatkan pembabitan lelaki supaya turut melaksanakan tanggungjawab berkenaan.

Di luar rumah, ia boleh diagih melalui penyediaan perkhidmatan penjagaan oleh pasaran, pertubuhan bukan kerajaan dan kerajaan. Usaha ini memerlukan penilaian holistik mengenai kaedah dan pilihan penjagaan sedia ada supaya dapat menampung keperluan wanita.

Ini termasuk memperluaskan perkhidmatan penjagaan formal berkualiti dengan kos berpatutan serta menambah baik kerja penjagaan profesional selaras dengan agenda kerja yang wajar.

**Penulis adalah Penyelidik di Institut Penyelidikan Khazanah (KRI)**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JUMLAH PENGARAH WANITA MENINGKAT 29.78 PERATUS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jumlah pengarah wanita meningkat 29.78 peratus

**Putrajaya:** Malaysia menyaksikan kemajuan ketara dalam merapatkan jurang jantina dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dengan peratusan pengarah wanita meningkat 29.7 peratus pada 2023 daripada 14 peratus pada 2016.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, bagaimanapun ada banyak lagi perkara perlu dilakukan bagi merapatkan jurang berkenaan.

"Malaysia, dalam meraih kemajuan, masih ketinggalan di belakang rakan kita di Asia Tenggara, terutama mengenai isu kritikal seperti jurang gaji jantina," katanya.

Nancy berkata demikian pada majlis penganugerahan Program Wanita dalam Keusahawanan (WiE) 2024 oleh *Futuremakers by Standard Chartered dan Mereka Innovative Education* (Mereka) di sini, sempena Hari Wanita Antarabangsa yang disambut semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Malaysia Mak Joon Nien dan Pengarah Mereka Juliana Adam.

Nancy berkata, menyedari wanita memainkan penting dalam mencorakkan masyarakat, kejayaan mereka dalam arena perniagaan secara langsung berkait rapat dengan kejayaan ekonomi negara.

Justeru, katanya, inisiatif seperti program WiE menandakan kemajuan signifikan dalam usaha kolektif untuk mengurangkan perbezaan jantina supaya lelaki dan wanita berada pada tahap sama dalam landskap keusahawanan.

Katanya wujud keperluan lebih banyak program pemerkasaan bagi menaikkan wanita, memupuk persekitaran organisasi yang diterajui wanita bukan sahaja berkembang, tetapi juga memacu kemajuan negara.

"Kita mesti ambil pendekatan proaktif, melabur pada masa depan kita untuk memupuk ekosistem yang membolehkan keusahawanan wanita berkembang maju.

"Bersamalah kita memupuk legasi pemerkasaan dan inovasi, berusaha ke arah masa depan dengan kesaksamaan gender bukan sekadar ideal, tetapi aspek asas kemajuan masyarakat," katanya.

Pada majlis berkenaan , Nancy menyampaikan cek cura AS$20,000 (kira-kira RM47,100) setiap satu kepada lima pertubuhan diterajui wanita di bawah program WiE iaitu Early Mind Ripple, LJD, Enoku, Edulab dan Keto.

Kelima-lima organisasi itu memulakan program bimbingan mentor selama enam bulan dengan pakar industri Mereka dan menerima bimbingan peribadi meliputi aspek penting pembangunan organisasi, merangkumi operasi perniagaan asas dan integrasi teknologi serta taktik pemasaran dan perhubungan awam berkesan.

Sementara itu Futuremakers memperkasakan lebih 2.1 juta belia di seluruh dunia iaitu 68 peratus ialah wanita dan kanak-kanak perempuan dengan pendidikan, pekerjaan dan kemahiran keusahawanan.

Pada September 2023, Futuremakers dan Mereka melancarkan WiE di Malaysia untuk mengwibawakan organisasi diterajui wanita tempatan.

# Wanita perlu diberi peluang sama rata kuasa ekonomi

Mac 8, 2024 @ 8:36am



Kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Malaysia masih rendah berbanding lelaki. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Kuasa ekonomi wanita menjadi tunjang utama bagi mencapai kesaksamaan gender, secara tidak langsung menggalakkan kesejahteraan dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan ekonomi.

Tanpa pemerkasaan ekonomi wanita, separuh daripada populasi berisiko untuk ketinggalan apabila berhadapan dunia yang berubah dengan begitu pantas.

Urus Setia Forum Wanita dan Gadis Malaysia (MWGF) dalam kenyataannya, berkata memandangkan kuasa ekonomi adalah asas kepada ketahanan diri dan daya pemulihan, jadi sebarang rintangan struktur, sosial dan budaya yang menghalang wanita menyertai ekonomi dan sektor umum perlu dihapuskan.

Katanya, wanita mewakili 50 peratus populasi negara, namun Malaysia mempunyai antara kadar penyertaan tenaga buruh wanita terendah dalam kalangan negara berpendapatan sederhana atas.

"Namun, kadar penyertaan tenaga buruh wanita Malaysia hanya 55.8 peratus jika dibandingkan dengan 81.9 peratus golongan lelaki.

"Dengan hanya separuh daripada populasi wanita terbabit dalam tenaga buruh, negara akan kerugian kerana potensi ekonomi golongan ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya, kata kenyataan itu.

Kajian mendapati pendapatan perkapita Malaysia berpotensi berkembang sebanyak 26.2 peratus jika semua halangan terhadap penyertaan ekonomi wanita dihapuskan.



Kuasa ekonomi wanita menjadi tunjang utama bagi mencapai kesaksamaan gender, secara tidak langsung menggalakkan kesejahteraan dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan ekonomi. - Foto hiasan

Justeru, wanita perlu diberikan akses sama rata kepada peluang dan sumber ekonomi, ia bukan sahaja dapat memberikan kesan positif kepada ekonomi, malah juga mempunyai kesan pengganda yang positif kepada kesejahteraan masyarakat.

"Apabila wanita mempunyai kuasa kewangan, mereka dapat membabitkan diri dalam lingkungan awam secara bermakna, contohnya dengan memikul peranan selaku penggubal dasar (kerana hakikatnya, wanita memerlukan wang untuk bertanding di dalam pilihan raya).

"Kajian menunjukkan apabila lebih ramai wanita memegang tanggungjawab utama dalam sektor ekonomi dan politik, dasar yang digubal lebih mencerminkan kepelbagaian keperluan akar umbi," katanya.

Terdapat beberapa pendekatan boleh diambil memperkasa ekonomi wanita termasuk mengenal pasti, menangani rintangan struktur, sosial dan budaya yang menghalang peluang ekonomi wanita.

Selain, menjamin akses penuh kepada hak Kesihatan Seksual dan Reproduktif juga penting dalam pemerkasaan ekonomi wanita.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TINGKAT PENGLIBATAN KAUM WANITA DALAM EKONOMI DIGITAL: TEO | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**HARI WANITA: Teo (lima kanan) bergambar kenangan bersama tetamu yang hadir pada Sambutan Hari Wanita Sedunia 2024 anjuran My Creative Vanture di Jalan Panggung semalam. Turut bersama Ketua Pegawai Eksekutif My Creative Vanture Zainariah Johari (tiga kanan).** — Gambar Bernama

# Tingkatkan penglibatan kaum wanita dalam ekonomi digital: Teo

**KUALA LUMPUR:** Tumpuan perlu diberikan untuk meningkatkan penglibatan kaum wanita dalam tenaga kerja, khususnya dalam industri ekonomi digital negara, kata Timbalan Menteri Komunikasi Teo Nie Ching.

Beliau berkata walaupun peratusan tenaga kerja wanita di Malaysia berada pada kadar 55.1 peratus pada 2022, tetapi golongan itu hanya membentuk 35 peratus daripada industri ekonomi digital.

Teo yang ditemui pemberita selepas sambutan Hari Wanita Antarabangsa anjuran Pejabat Timbalan Menteri Komunikasi dan My Creative Venture di sini, semalam berkata antara usaha yang perlu terus ditekankan ialah menghapuskan stereotaip gender dalam pekerjaan.

"... memang ada profesion secara tradisional lebih banyak wanita seperti guru dan jururawat tetapi inilah jurang gender yang kita hendak tutup kerana kita juga perlu mendidik generasi akan datang untuk menggalakkan wanita menjadi jurutera... lelaki jadi jururawat.

Saya percaya kalau kita boleh pecahkan stereotaip gender ini, kita boleh nampak penglibatan yang lebih seimbang dalam semua bidang. Apabila kita ada keterangkuman daripada semua jantina, kaum dan budaya, ini akan membantu kami (kerajaan) untuk membuat keputusan yang lebih kondusif dan lebih baik," katanya.

Terdahulu dalam ucaptamanya pada majlis itu, Teo berkongsi perangkaan daripada Pusat Ekonomi Digital (PEDi) yang kini dikenali sebagai Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NaDi) menunjukkan 76 peratus daripada usahawan yang dibimbing pusat itu antara 2021 hingga Februari lepas adalah wanita.

Sementara perangkaan daripada Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menunjukkan 57 peratus daripada usahawan wanita telah menyertai Program eUsahawan sejak pelaksanaannya pada 2015 sehingga 2023.

"Penyertaan aktif wanita dalam sektor digital boleh dilihat menerusi sektor makanan dan minuman (30 peratus), kecantikan & kesihatan (16 peratus) dan fesyen (10 peratus).

"Ini menunjukkan wanita kini aktif dalam menyumbang kepada ekonomi bermula daripada usahawan berskala kecil. Jalannya mungkin panjang tetapi sebagaimana setiap perjalanan, ia bermula dengan satu langkah," katanya. — Bernama

# PWP raikan ADUN, ketua-ketua jabatan wanita Perlis



PERSATUAN Wartawan Perlis (PWP) menganjurkan program bersempena Sambutan Hari Wanita di Hannah Cookies, Kangar, Jaya, Perlis hari ini.-UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Oleh Mohd Hafiz Abd Mutalib 8 Mac 2024, 7:13 pm

KANGAR: Buat julung kalinya, Persatuan Wartawan Perlis (PWP) mengambil inisiatif menganjurkan program bersempena Sambutan Hari Wanita 2024 bagi meraikan golongan wanita yang banyak memainkan peranan dan sumbangan kepada masyarakat serta negara.

Majlis santai berkenaan yang bermula pada pukul tiga sehingga lima petang itu diadakan di Hannah Cookies, Kangar, Jaya di sini.

Program santai berkenaan dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Indera Kayangan, Gan Ay Ling; Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri, Norazah Jaapar; Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Perlis, Norazlin Nordin dan Setiausaha Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis, Mawar Awang.

Hadir sama, wakil-wakil dari Bahagian (BPEN) Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis (BPEN); Jabatan Penerangan negeri; Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Perlis dan pengamal-pengamal media di negeri ini.



Wartawan Perlis (PWP) menganjurkan program bersempena Sambutan Hari Wanita di Hannah Cookies, Kangar, Jaya, Perlis hari ini.-UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Lebih istimewa, para tetamu jemputan juga diberikan sekuntum bunga sebagai simbolik kepada sambutan hari wanita berkenaan.

Pada majlis itu, Ay Ling, Norazah dan Norazlin juga diberi kesempatan berkongsikan mengenai peranan kaum wanita khususnya yang banyak mengetuai jabatan-jabatan di negeri ini.

Antara lain, Norazlin juga berkongsikan bagaimana pengalaman dan cabaran dalam menganjurkan Pesta Angin Timur yang merupakan festival tahunan terbesar di Perlis.

Sebagai rekod, Hari Wanita Sedunia disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi mengiktiraf dan menghargai peranan yang dimainkan oleh wanita dalam pembangunan negara.

Hari Wanita Antarabangsa 2024 mengangkat tema 'Wanita Dijulang Negara Gemilang'.

Insan yang bergelar wanita perlu diraikan dan sentiasa dihormati sepanjang masa disebalik kelembutan dan kesabaran namun golongan ini memainkan peranan cukup besar khususnya untuk pembangunan negara.-UTUSAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | PRE-LOVED CLOTHING PROJECT BENEFITS 1,700 NEEDY FOLKS IN S'WAK | | |
| HARI : | SABTU | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH : | 9 MAC 2024 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |



Abang Mohd Shibli (centre) presents the contributions to one of the recipients.

# Pre-loved clothing project benefits 1,700 needy folks in S'wak

**Jacqueline Raphael**

**MIRI:** The 'Infak Baju Raya Al Bait' project has benefitted more than 1,700 needy folks in Sarawak since its launch in Kuching last year

Initiated by Yayasan Kepimpinan Al Bait (YKAB) and run in collaboration with Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), this project has been well received by the community since its introduction and expansion to other areas across the state, says TBS general manager Datu Abang Mohd Shibli Abang Mohd Nailie.

"Following such a good response, we are expanding this project to Miri in collaboration with the Miri branch of Hikmah (Harakah Islamiah, a non-governmental Islamic organisation), meant to ease the burden of our community who need clothes during festivals, or to be used throughout the year.

"This project was inspired after we saw many in our community, who were capable and had a lot of clothes – many of which had been worn only once or twice – donating them for a good cause.

"In fact, some of us have received clothes that still have tags on them.

"Alhamdulillah (all praise be for Allah) YKAB and also the volunteers were able to collect lots of clothes that could be distributed to those in need," he told reporters after launching the 'Infak Baju Raya Al Bait-Miri Division' project at Masjid At-Taqwa's Tun Rahman Hall here, where TBS Miri Head Marini Juraibi, YKAB representative Nur Syahmina Abdul Ghanie and Hikmah Sarawak communications secretary Raihan Usop were also present.

Abang Mohd Shibli added that all the programmes run by TBS highlighted efforts to help improve the well-being of the needy and affected communities.

"We hope that Muslims, especially those who are able to pay 'zakat' (tithe), and able to donate used and still good clothes, would come to TBS or meet YKAB volunteers, or go to Hikmah Miri, where they can help us continue this noble cause," he said.

Earlier, Abang Mohd Shibli also presented donations in the form of schoolbags to 50 poor students under the 'Back to School' programme.

"The objective of this programme is to establish awareness among these children, enabling them to see the importance of education as something vital and necessary for them to continue on in life.

"They cannot continue to let what happened to their families (poverty) continue on; they must take the first step (through education).

"Although this donation is in the form of schoolbags, the bag itself is a symbol that can encourage them to bring books (to school)," he said.

At the same event, Abang Mohd Shibli also presented Baitulmal food rations to four poor families.

Those needy folks who are in need of clothes are welcome to get them, under the 'Infak Baju Raya Al Bait' project, at Masjid At-Taqwa Miri, which is open every Friday from 10am to 2pm.

# Ibu tunggal tujuh anak hidup bergantung pencen suami

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHAMED NOR 8 Mac 2024, 8:56 am



Nurul Afeeza (tiga dari kanan) bersama anak-anaknya di kediaman mereka di Taman Indah, Ayer Tawar, Sitiawan baru-baru ini.

MANJUNG – Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Itulah yang dilalui seorang wanita apabila terpaksa seorang diri membesarkan tujuh anak termasuk seorang orang kelainan upaya (OKU) intelektual sejak kematian suaminya dua tahun lalu.

Nurul Afeeza Mohd. Tarmedi, 30, berkata, tanggungjawab berkenaan lebih sukar apabila dia tidak mempunyai mata pencarian selepas terpaksa berhenti sebagai penghantar barang kerana menjaga kesemua anaknya termasuk anak OKU yang hiperaktif.

Menurutnya, suaminya, Haber Puyung, 58, meninggal dunia pada 2022 akibat darah tinggi dan dia dikurniakan anak berusia antara tiga hingga 14 tahun.

"Anak sulung saya yang juga OKU tidak boleh dibiarkan sendiri kerana dibimbangi akan mencederakan diri sendiri atau adik beradiknya yang lain.

"Dia sebelum ini suka bermain dengan air dan kini dengan api di dapur," katanya semalam.

Bercerita lanjut, Nurul Afeeza berkata, detik dia bergelar ibu tunggal apabila suaminya tiba-tiba rebah ketika sedang berurusan di pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Kuala Lumpur akibat kehilangan pekerjaan.

"Suami menghembuskan nafas terakhir selepas dua hari ditidurkan. Pemergiannya membuatkan saya sangat terkejut dan menjadi murung selepas itu. Tambahan pula ketika itu saya sedang mengandungkan anak bongsu," katanya.

Menurutnya, ketika ini, kehidupan mereka bergantung kepada pencen suami berjumlah RM1,200 sebulan serta bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM700.
"Selain perbelanjaan harian, saya juga perlu membayar sewa rumah RM400 sebulan. Kereta kami masih di bengkel kerana tidak cukup duit," ujarnya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh menghubungi Nurul Afeeza di talian 011-7005 7435 atau menyalurkannya ke akaun Maybank 158181298541 (Nurul Afeeza).

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUAMI PENGASUH DISYAKI CIUM PIPI, BUKA SELUAR BUDAK | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Suami pengasuh disyaki cium pipi, buka seluar budak

**Ampang Jaya:** Polis menahan seorang lelaki berusia 55 tahun selepas melakukan amang seksual ke atas seorang kanak-kanak di rumah pengasuh di Pandan Indah di sini, Isnin lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Superintendan Nazruel Ekram Abu Saare berkata, ibu mangsa berusia 38 tahun membuat laporan polis pada 29 Februari lalu selepas mengetahui anak perempuannya berusia lima tahun menjadi mangsa cabul.

Menurutnya, anak kedua wanita itu memberitahu suspek yang juga suami pengasuh mencium pipi dan membuka seluarnya.

"Ibu mangsa menerima mesej daripada pengasuh memberitahu suaminya itu tidak melakukan perkara terbabit. Dia meminta supaya merahsiakan perkara itu kerana mempunyai anak asuhan yang ramai," katanya, semalam.

Nazruel Ekhram berkata, polis kemudian menahan suspek di Jalan Pandan Indah di sini, pada jam 10.50 malam Isnin lalu.

"Hasil ujian saringan awal air kencing yang dijalankan dapati suspek negatif dadah. Semakan mendapati suspek mempunyai satu rekod jenayah lampau.

"Suspek direman seminggu bermula Selasa lalu hingga 11 Mac hadapan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017," katanya.

**"Ibu mangsa menerima mesej daripada pengasuh. Dia meminta supaya merahsiakan perkara itu kerana mempunyai anak asuhan yang ramai"**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BABYSITTER'S HUBBY HELD FOR SEXUALLY ASSAULTING FIVE-YEAR-OLD | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 9 MAC 2024 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Babysitter's hubby held for sexually assaulting five-year-old

By FARIK ZOLKEPLI
farik@thestar.com.my

**AMPANG:** A 55-year-old man has been detained for sexually assaulting a five-year-old girl at her babysitter's house.

Ampang Jaya OCPD Asst Comm Mohd Azam Ismail said the suspect is the babysitter's husband and the incident allegedly occurred at a house in Pandan Indah here.

"We received a report from a woman on Feb 29, alleging that her elder daughter was sexually assaulted at the babysitter's house.

"Her younger daughter, who witnessed the incident, claimed that the suspect kissed the victim's cheeks before taking her hands and putting them on his private parts," he said in a statement.

The victim's mother confronted the babysitter, who denied the incident and asked the mother to keep it a secret as she has other children under her care, said ACP Mohd Azam.

"We detained the suspect in Pandan Indah at about 10.50pm on March 4.

"The suspect tested negative for drugs but he has a criminal record," he said.

The suspect has been remanded until March 11, he added.

"We are investigating the case under Section 14 of the Sexual Offences Against Children Act 2017," said ACP Mohd Azam.

In a separate case, a 29-year-old Indonesian woman was detained in Taman Dato Ahmad Razali here for not having any identification documents.

ACP Mohd Azam said a local woman had initially hired the Indonesian woman as a maid after seeing an online advertisement on March 6.

"The employer asked the Indonesian woman for her personal identification details, but she failed to provide any documents.

"She then attempted to flee, and the employer called the police for assistance," he said.

Police personnel were dispatched to the house and arrested the Indonesian woman, he said.

"She tested negative for drugs. She has also been remanded until March 20," said ACP Mohd Azam.

# Suami pengasuh lakukan amang seksual kanak-kanak ditahan

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi - Mac 8, 2024 @ 3:45pm
mhafis@mediaprima.com.my




AMPANG JAYA: Polis menahan lelaki berusia 55 tahun selepas melakukan amang seksual ke atas seorang kanak-kanak di rumah pengasuh di Pandan Indah, di sini, Isnin lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Superintendan Nazruel EkramAbu Saare berkata, ibu mangsa berusia 38 tahun membuat laporan polis pada jam 8.30 pagi 29 Februari lalu, selepas mengetahui anak perempuannya berusia lima tahun menjadi mangsa.

"Ibu mangsa menerima mesej daripada pengasuh memberitahu suaminya itu tidak melakukan perkara terbabit dan minta dia untuk merahsiakannya kerana pengasuh mempunyai anak asuhan yang ramai," katanya dalam kenyataan hari ini.

Nazruel Ekhram berkata, susulan itu, polis menahan suspek di Jalan Pandan Indah 22 pada jam 10.50 malam Isnin lalu.

"Hasil ujian saringan awal air kencing yang dijalankan dapati suspek negatif dadah. Semakan dapati suspek mempunyai satu rekod jenayah lampau.

"Suspek direman seminggu bermula Selasa lalu hingga 11 Mac ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017," katanya.

# Taska di pejabat solusi elak tragedi bayi mati

Oleh SUARA SINAR
08 Mac 2024 07:30am Masa membaca: 4 minit



SALAM takziah kepada keluarga yang baru sahaja kehilangan bayi lelaki mereka berusia tiga bulan ketika dalam jagaan pusat asuhan kanak-kanak di Setia Alam, Isnin lalu.

Tragedi yang sering berulang setiap tahun ini bagaikan satu mimpi ngeri untuk semua ibu bapa yang terpaksa menghantar anak-anak mereka ke taska demi mencari rezeki untuk keluarga.

Apatah lagi golongan ibu bekerja, setiap kali tamat tempoh berpantang dan mereka perlu kembali ke pejabat, hati mula dihambat gelisah mengenangkan nasib bayi yang perlu diserahkan ke tangan 'orang asing'.

Statistik yang menunjukkan sebanyak 677 pusat jagaan dan 1,239 taska tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga Ogos 2022 adalah satu fakta yang agak menakutkan.

Menyerahkan bayi sendiri ke institusi tidak berdaftar bagaikan memperjudikan nasib anak yang tidak berdosa itu kerana apa sahaja boleh berlaku.

Lebih memburukkan keadaan, jika terjadi sebarang tragedi, ibu bapa tidak boleh mengambil apa-apa tindakan kerana taska berkenaan tidak berdaftar dengan kerajaan.

Jadi, sangat penting untuk memilih taska yang berdaftar dengan JKM sahaja kerana institusi ini mewajibkan Kursus Asuhan Permata kepada semua pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuhnya.

Mereka perlu lulus kursus ini dalam tempoh 12 bulan bekerja dan ini menjadi jaminan kepada ibu bapa bahawa taska yang dijalankan mengikut prosedur betul selain pengasuh ada ilmu penjagaan anak-anak kecil.

Sementara itu, di pihak majikan pula, sudah tiba masanya mereka mengambil serius hal ini dengan mewujudkan taska di premis demi melahirkan pekerja wanita yang lebih berdaya saing.

Lebih mudah bertemu anak-anak di waktu rehat, malah berpeluang menyusukan bayi sendiri.

Percaya atau tidak, kaum ibu berkerjaya ternyata lebih bermotivasi menjalankan tugas jika anak-anak berada di sekeliling!

Jadi, tidak perlulah beri cadangan menyuruh golongan ibu berhenti kerja dan jadi suri rumah sahaja.

Pada zaman ekonomi meruncing kini, sangat penting suami isteri saling membantu meningkatkan ekonomi keluarga demi kebaikan anak-anak juga.

Apa yang penting ialah mencari solusi bagaimana anak-anak kita dapat diasuh dengan selamat dengan pemantauan semua pihak.

# Polis tahan warga asing lakukan amang seksual terhadap budak perempuan



SEORANG lelaki warga asing ditahan polis selepas disyaki melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun di sebuah kompleks beli-belah di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Oleh SAFINA RAMLI 8 Mac 2024, 5:10 pm

GEORGE TOWN : Seorang lelaki warga asing ditahan polis selepas dia dipercayai melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun di sebuah kompleks beli-belah di Bayan Lepas di sini, semalam.

Akibat perbuatan tersebut, lelaki berusia 40-an itu dikatakan mengalami kecederaan di bahagian muka selepas dipukul oleh orang ramai di situ yang kebetulan menyedari tindakan keji suspek.

Terdahulu, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Razlam Ab. Hamid berkata, ketika kejadian, mangsa dan ibunya sedang beratur di sebuah kaunter untuk membayar barangan yang mereka beli di kompleks beli-belah terbabit.

"Suspek kemudian didakwa telah menggesel kemaluannya pada punggung mangsa. Bagaimanapun, kejadian itu disedari oleh ibu mangsa yang terus menjerit kepada suspek.

"Suspek yang terkejut kemudiannya melarikan diri dan orang ramai yang ternampak akan kejadian itu bertindak memukul mangsa," katanya di sini, hari ini.




RAZLAM AB. HAMID

Menurut Razlam, suspek bagaimanapun berjaya ditahan polis dan dia kini direman selama tiga hari bagi membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat jika sabit kesalahan," ujar beliau.- UTUSAN